

05/08/1997

Tokoh pelbagai agama di TV

Patimah Ramli

KUALA LUMPUR, Isnin - Tokoh pelbagai agama akan dibenarkan muncul dalam program khas di radio dan televisyen (RTM) bagi membincangkan nilai murni dalam usaha membantu kerajaan menangani gejala sosial di kalangan remaja sekarang.

Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat, berkata tokoh terbabit boleh membicarakan nilai moral serta kegiatan positif dalam program itu, sebagai panduan dan rujukan kepada rakyat, khususnya generasi muda.

Bagaimanapun, mereka yang mewakili agama Kristian, Buddha, Hindu dan Sikh, tidak dibenarkan sama sekali mengembangkan ajaran agama masing-masing melalui RTM.

"Masalah hendak mengembangkan agama lain selain Islam tidak dapat kita buat. Kita sudah ada keputusan iaitu media kerajaan bertanggungjawab untuk mengembangkan syiar Islam dan bukan agama lain," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perbincangan dengan sembilan wakil Majlis Keagamaan Hindu, Kristian, Buddha dan Sikh di pejabatnya, di sini hari ini.

Mohamed berkata, wakil majlis terbabit memberi kata sepakat, bersedia bekerjasama serta menghormati keputusan kerajaan untuk membabitkan diri dalam program perbincangan khas yang dirancang itu.

Menurutnya, tokoh terbabit akan membicarakan soal moral, nilai murni, serta kebaikan yang terkandung dalam agama masing-masing dalam usaha mendidik serta menarik minat golongan remaja dan belia menyertai program ini.

Sehubungan itu, beliau memberi tempoh selama sebulan kepada majlis keagamaan terbabit mengemukakan cadangan konkrit untuk dipertimbangkan RTM, sebelum dilaksanakan melalui radio dan televisyen.

Beliau menegaskan, kerajaan tetap mempertahankan soal kebebasan beragama di negara ini dan rakyat harus menerima hakikat Islam adalah agama rasmi Malaysia.

"Mereka menerima dengan baik ketegasan kerajaan dalam soal syiar Islam dan RTM membuka pintu untuk terus menyiarkan liputan perayaan berbentuk agama kerana ia berunsurkan perayaan nasional," katanya.

Berikutan itu, katanya, semua perayaan agama, termasuk Islam, Kristian, Hindu, Buddha dan Sikh, diberi liputan menyeluruh kerana ia melambangkan perayaan nasional yang perlu diraikan bersama ke arah perpaduan, keharmonian bangsa dan kesejahteraan rakyat.

Mohamed berkata, usaha itu adalah selaras dengan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya kerajaan mengamalkan kesederhanaan ke arah memupuk kerjasama di antara rakyat pelbagai kaum di negara ini.

"Kita tidak mahu agama dieksploitkan oleh individu atau parti tertentu dan penyebaran agama lain tidak dapat dilaksanakan, walaupun ada desakan daripada pemimpin parti politik," katanya.

(END)